Honworld Chemicals & Machinery Sdn Bhd dan lain-lain lwn Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan lain-lain

A

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO WA-21NCVC-17–03 TAHUN 2016
ABU BAKAR JAIS H
7 NOVEMBER 2016

C

Prosedur Sivil — Pembatalan — Permohonan pembatalan writ saman dan pernyataan tuntutan — Defendan-defendan menjalankan siasatan jenayah di bawah s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 — Defendan ketiga mengeluarkan lima perintah pembekuan akaun-akaun milik plaintif-plaintif — Plaintif-plaintif memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan bagi mencabar kesahihan perintah pembekuan — Defendan-defendan memohon untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif di bawah A 18 k 19(1)(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 — Sama ada tindakan sivil boleh diambil oleh plaintif-plaintif apabila perkara pokok dalam tindakan secara keseluruhannya didasarkan atas tindakan jenayah — Sama ada tindakan plaintif-plaintif telah menjadi akademik — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ss 4(1) & 44(5) — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19(1)(b) & (d)

D

E

F

Defendan-defendan telah menjalankan satu siasatan jenayah di bawah s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') dan dalam menjalankan siasatan tersebut, defendan ketiga sebagai penolong pengarah kastam telah mengeluarkan lima perintah pembekuan di bawah Akta tersebut yang membekukan lapan akaun milik plaintif-plaintif ('akaun tersebut'). Perintah pembekuan tersebut telah tamat tempoh pada 11 Mac 2016 dan pada 7 Mac 2016, timbalan pendakwa raya telah mengeluarkan perintah sitaan terhadap akaun tersebut di bawah s 50 Akta. Plaintif-plaintif tidak berpuas hati dengan perintah pembekuan tersebut dan telah memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan terhadap defendan-defendan bagi mencabar kesahihan perintah pembekuan tersebut. Plaintif-plaintif, antara lainnya, memohon satu perintah deklarasi bahawa perintah pembekuan tersebut adalah salah, mala fide, tidak suci hati dan tidak berkuat kuasa. Lanjutan daripada tindakan yang difailkan oleh plaintif-plaintif, defendan-defendan telah memfailkan tindakan ini bagi memohon mahkamah untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif di bawah A 18 k 19(1)(b) dan (d) Kaedah-Kaedah

G

H

I

A Mahkamah 2012 atas dasar bahawa tuntutan plaintif-plaintif adalah mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan penyalahgunaan proses mahkamah. Isu-isu yang perlu ditentukan adalah sama ada satu tindakan sivil dapat diambil melalui writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif apabila perkara pokok yang menyentuh tindakan ini secara keseluruhannya B didasarkan atas satu tindakan jenayah; dan sama ada tindakan plaintif-plaintif telah menjadi akademik memandangkan perintah pembekuan tersebut telah tamat tempoh pada 11 Mac 2016.

Diputuskan, membatalkan tuntutan plaintif-plaintif dengan kos:

C (1) Asas dan sebab tindakan saman oleh plaintif-plaintif mempunyai kesan memohon mahkamah yang mempunyai bidang kuasa sivil untuk membicarakan dan menyemak proses-proses siasatan jenayah yang dilakukan oleh defendan ketiga, oleh itu, ianya sememangnya patut D dibatalkan kerana ia merupakan penyalahgunaan proses mahkamah. Mahkamah ini yang merupakan mahkamah sivil tidak mempunyai kuasa untuk membicarakan tindakan plaintif-plaintif yang bersifat jenayah. Tindakan yang diambil oleh plaintif-plaintif adalah 'obviously unsustainable' (lihat perenggan 18, 20, 37 & 39).

E (2) Tindakan plaintif-plaintif telah menjadi akademik kerana perintah pembekuan tersebut hanya sah untuk tempoh 90 hari sahaja menurut peruntukan s 44(5) Akta dan berakhir pada 11 Mac 2016. Oleh itu, deklarasi yang dipohon oleh plaintif-plaintif tidak seharusnya dibicarakan lagi kerana ianya telah menjadi remeh dan menyusahkan. F Tambahan pula, jika tindakan plaintif-plaintif dibicarakan, ia tidak akan memberi apa-apa kesan lagi kepada akaun-akaun yang telah dibekukan kerana akaun-akaun milik plaintif-plaintif tersebut telah disita pada 7 Mac 2016 (lihat perenggan 25–26 & 28–29).

G **[English summary**

The defendants conducted a criminal investigation pursuant to s 4(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('the Act') and in carrying out the investigation, the third defendant as the assistant director of customs, issued five freezing orders under H the Act to freeze accounts belonging to the eight plaintiffs ('the said accounts'). The freezing order expired on 11 March 2016 and on 7 March 2016, the DPP issued a forfeiture order against the account under s 50 of the Act. Dissatisfied with the freezing order, the plaintiffs filed a writ of summons and statement of claim against the defendants to challenge the validity of the freezing order. The I plaintiffs sought, among others, a declaration that the freezing order was unlawful wrong, mala fide, not done in good faith and had no effect. Following the action filed by the plaintiffs, the defendants filed this action seeking a court order to quash the plaintiff's writ of summons and statement of claim under O 18 r 19(1)(b) and (d) of the Rules of Court 2012 on the basis that the

plaintiff's claim was scandalous, frivolous or vexatious and an abuse of the court process. The issues to be determined were whether a civil action may be initiated by way of the plaintiffs' writ of summons and statement of claim when the subject matter that the whole action was based on a criminal act; and whether the plaintiffs' action had become academic since the freezing order had expired on 11 March 2016.

Held, dismissing the plaintiffs' claim with costs:

(1) The basis and grounds for the lawsuit by plaintiffs have the effect of applying to the with the jurisdiction to discuss and review the process for criminal investigation conducted by the third defendant, therefore, it certainly should be struck out because it was an abuse of the court process. This court is a civil court and was not seized with the jurisdiction to hear the plaintiffs' action plaintiffs which was criminal in nature. The action taken by the plaintiffs was obviously unsustainable (see paras 18, 20, 37 & 39).

(2) The plaintiffs' action had become academic because the freezing order was only valid for a period of 90 days according to the provisions of s 44(5) of the Act and ended on 11 March 2016. Accordingly, the declaration sought by the plaintiffs should not be tried again because it has become frivolous and vexatious. Furthermore, if the plaintiffs' action was tried, it would not give any effect to the accounts that have been frozen because of the accounts owned by the plaintiffs were seized on 7 March 2016 (see paras 25–26 & 28–29).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembatalan secara am, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2085–2086.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Saidi bin Md Isa v Timbalan Menteri Hal Ehwal & Ors [2006] 3 MLJ 208, MR (dirujuk)

Balakrishanan Vairavapillai v Pantai Holdings Bhd & Anor [2005] 5 CLJ 83, MT (dirujuk)

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36, MA (dirujuk)

City Growth Sdn Bhd & Anor v The Government of Malaysia [2006] 1 MLJ 581; [2005] 7 CLJ 422, MT (dirujuk)

Government of Malaysia v Lim Kit Siang [1988] 2 MLJ 12, MT (dirujuk)

Khor Peng Chai & Ors v Bank Negara Malaysia & Anor [2011] MLJU 1525; [2012] 4 CLJ 987, MT (dirujuk)

Mat Daud Ahmad & Anor v Malaysia British Assurance Sdn Bhd [1990] 2 CLJ 1002, MT (dirujuk)

Simplex Sdn Bhd lwn Mohd Samsol bin Md Muzer dan satu lagi [2015] 9 MLJ 78, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kastam 1967 s 133(1)(a)
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ss 4(1), 44(1), (5), 50(1), Jadual Kedua
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19, 19(1)(b), (1)(d)

Beh Chee Wei (Beh & Co) bagi pihak plaintif-plaintif.
Wan Hazlin Suraya Wan Sharif (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan-defendan.

Abu Bakar Jais J:

PENGENALAN

[1] Ini adalah satu permohonan dari defendan-defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif di bawah peruntukan A 18 k 19(1)(b) dan (1)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 atas dasar tuntutan ini adalah mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan juga kerana ianya merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

[2] Dalam memutuskan permohonan ini, penghakiman ini membincangkan, antara lainnya, sama ada satu tindakan sivil dapat diambil melalui writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif apabila perkara pokok yang menyentuh tindakan ini secara keseluruhannya didasarkan kepada satu tindakan jenayah. Juga disentuh disini ialah samada tindakan plaintif-plaintif melalui writ saman dan pernyataan tuntutan mereka telah menjadi akademik.

FAKTA UTAMA

[3] Suatu siasatan jenayah telah dimulakan oleh defendan-defendan di bawah s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 — Akta 613 atau 'Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities 2001 — Act 613' ('Akta 613') terhadap plaintif-plaintif. Siasatan tersebut dimulakan kerana terdapatnya satu siasatan telah dibuat terhadap plaintif-plaintif bagi satu kesalahan di bawah s 133(1)(a) Akta Kastam 1967 yang merupakan antara kesalahan serius di bawah Jadual Kedua Akta 613.

[4] Dalam menjalankan siasatan di bawah s 4(1) Akta 613 tersebut,

defendan ketiga telah mengeluarkan lima perintah pembekuan di bawah Akta 613 yang membekukan lapan akaun milik plaintif-plaintif (yang dimiliki sama ada secara sendiri/bersama) pada 11 Disember 2015. Akaun-akaun yang dibekukan dinyatakan secara spesifik dalam setiap perintah pembekuan yang dikeluarkan. Lima perintah pembekuan tersebut telah tamat tempoh kuatkuasa pada 11 Mac 2016.

[5] Pada 7 Mac 2016, timbalan pendakwa raya telah mengeluarkan perintah sitaan di bawah s 50(1) Akta 613 yang mengarahkan institusi kewangan yang terlibat supaya tidak melepaskan, berurusan atau melupuskan lapan akaun milik plaintif-plaintif.

[6] Plaintif-plaintif yang tidak berpuas hati dengan lima perintah pembekuan yang dikeluarkan oleh defendan ketiga telah mencabar kesahihan perintah-perintah tersebut dengan memohon kepada mahkamah, antara lainnya, untuk satu perintah deklarasi bahawa perintah pembekuan yang dikeluarkan defendan ketiga adalah salah, mala fide dan tidak suci hati dan tidak berkuatkuasa.

[7] Sehingga hari ini juga, apa-apa prosiding mahupun pendakwaan belum lagi dimulakan terhadap plaintif-plaintif oleh pendakwa raya di mahkamah jenayah.

TINDAKAN PLAINTIF-PLAINTIF

[8] Untuk memperjelaskan lagi tuntutan yang telah dibuat, plaintif-plaintif melalui writ saman dan pernyataan tuntutan yang difailkan telah memohon tuntutan, antara lainnya, seperti berikut:

(a) satu perintah deklarasi bahawa tindakan defendan-defendan membekukan lapan akaun milik plaintif-plaintif adalah salah, mala fide dan tanpa suci hati;

(b) satu perintah deklarasi bahawa perintah-perintah pembekuan ke atas akaun-akaun tersebut yang dikeluarkan oleh defendan-defendan adalah salah, mala fide dan tanpa suci hati dan tidak berkuatkuasa;

(c) satu perintah deklarasi bahawa akaun-akaun tersebut dilepaskan dengan serta merta; dan

(d) secara alternatifnya, satu perintah bahawa hanya jumlah dituntut Jabatan Kastam Diraja Malaysia dibekukan sementara menunggu perbicaraan dan kesemua wang yang melebihi jumlah yang dituntut oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dilepaskan dengan serta-merta.

HUJAHAN DEFENDAN-DEFENDAN

[9] Secara ringkasnya hujahan defendan-defendan bagi menyokong permohonan mereka sekarang adalah seperti berikut:

(a) tindakan plaintif-plaintif merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah kerana tuntutan plaintif-plaintif secara tidak langsung mempunyai kesan memohon mahkamah ini yang mempunyai bidang kuasa sivil untuk membicarakan dan menyemak proses siasatan jenayah di bawah s 44(1) Akta 613 dibaca bersama s 4(1) Akta yang sama; dan

(b) tindakan ini telah menjadi akademik memandangkan lima perintah pembekuan bertarikh 11 Disember 2015 yang dikeluarkan oleh defendan ketiga ke atas akaun milik plaintif-plaintif telah tamat tempoh kuatkuasa pada 11 Mac 2016. Akaun milik plaintif-plaintif kini disita di bawah perintah s 50(1) Akta 613 yang dikeluarkan oleh timbalan pendakwa raya pada 7 Mac 2016.

HUJAHAN PLAINTIF-PLAINTIF

[10] Membantah permohonan defendan-defendan, hujahan plaintif-plaintif boleh diringkaskan seperti berikut:

(a) defendan-defendan terhalang dari memasukkan permohonan sekarang kerana dihalang dengan perintah mahkamah terdahulu;

(b) permohonan defendan-defendan sekarang adalah tidak teratur;

(c) ini bukanlah kes yang jelas untuk dibatalkan;

(d) kausa tindakan plaintif-plaintif adalah munasabah; dan

(e) undang-undang bertulis yang digunakan defendan-defendan untuk pembekuan akaun-akaun adalah salah.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[11] Alasan-alasan keputusan mahkamah ini untuk permohonan defendan-defendan adalah dijelaskan melalui tajuk-tajuk kecil di bawah.

A. Peruntukan-peruntukan yang dibincangkan

[12] Adalah perlu dinyatakan alasan-alasan keputusan mahkamah ini hanya dapat diperjelaskan bermula dengan menerangkan apakah yang dinyatakan melalui peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis yang di sebutkan terdahulu. Menurut urutannya perkara tersebut adalah diperjelaskan di bawah.

[13] Pertamanya s 4(1) Akta 613 menyatakan:

Any person who —

(a) engages, directly or indirectly, in a transaction that involves proceeds of an unlawful activity or instrumentalities of an offence;

(b) acquires, receives, possesses, disguises, transfers, converts, exchanges, carries, disposes of or uses proceeds of an unlawful activity or instrumentalities of an offence;

(c) removes from or brings into Malaysia, proceeds of an unlawful activity or instrumentalities of an offence; or

(d) conceals, disguises or impedes the establishment of the true nature, origin, location, movement, disposition, title of, rights with respect to, or ownership of, proceeds of an unlawful activity or instrumentalities of an offence,

commits a money laundering offence and shall on conviction be liable to imprisonment for a term not exceeding fifteen years and shall also be liable to a fine of not less than five times the sum or value of the proceeds of an unlawful activity or instrumentalities of an offence at the time the offence was committed or five million ringgit, whichever is the higher.

[14] Sementara s 133(1)(a) Akta Kastam 1967 menyebut:

Whoever makes, orally or in writing, or signs any declaration, certificate or other document required by this Act which is untrue or incorrect in any particular shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

[15] Jadual Kedua Akta 613 pula menyebut:

Customs Act 1967 Section 133 Making incorrect declarations and falsifying documents [P.U.(A) 14/2003]

[16] Sementara s 50(1) Akta 613 menyatakan:

Where the Public Prosecutor is satisfied on information given to him by an investigating officer that any movable property or any accretion to it which is —

(a) the subject-matter or evidence relating to the commission of an offence under subsection 4 (1) or a terrorism financing offence;

(b) terrorist property;

(c) the proceeds of an unlawful activity; or

(d) the instrumentalities of an offence,

is in the possession, custody or control of a financial institution, he may, notwithstanding any other written law, by order direct that such movable property or any accretion to it in the financial institution be seized by the investigating officer

A or by order direct the financial institution not to part with, deal in or otherwise dispose of such movable property or any accretion to it, in whole or in part, until the order is varied or revoked.

[17] Seksyen 44(1) Akta 613 pula menyebut:

B Subject to section 50, an enforcement agency may issue an order to freeze any property of any person, or any terrorist property, as the case may be, wherever the property may be, and whether the property is in his possession, under his control or due from any source to him, if —

C (a) an investigation with regard to an unlawful activity has commenced against that person; and

(b) either —

(i) the enforcement agency has reasonable grounds to suspect that an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence has

D been or is being or is about to be committed by that person; or

(ii) the enforcement agency has reasonable grounds to suspect that the property is the proceeds of an unlawful activity or the instrumentalities of an offence.

E *B. Tindakan bersifat jenayah*

[18] Jika diperhatikan asas dan sebab tindakan saman di mahkamah ini oleh plaintif-plaintif, saya berpendapat ianya mempunyai kesan memohon

F mahkamah ini yang mempunyai bidang kuasa sivil untuk membicarakan dan menyemak proses-proses siasatan jenayah yang diambil oleh defendan ketiga di bawah s 44(1) dibaca bersama s 4(1) Akta 613 bagi tujuan menjalankan siasatan jenayah ke atas plaintif-plaintif. Oleh itu, ianya sememangnya patut dibatalkan kerana ia merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

G **[19]** Ini dapat dilihat di dalam kes *Simplex Sdn Bhd lwn Mohd Samsol bin Md Muzer dan satu lagi* [2015] 9 MLJ 78 dimana Yang Arif Zaleha Yusof H (sekarang HMR) telah memutuskan:

H Sama seperti s 50(1) seperti yang diperuntukkan di atas, tujuan pembekuan di bawah s 44(1) juga adalah untuk mendapatkan keterangan bagi tujuan pendakwaan di bawah s 4(1) AMLA. Ianya adalah *satu proses penyiasatan dan dengan jelasnya bukanlah satu keputusan yang boleh disemak di bawah suatu semakan kehakiman.* (Penekanan ditambah.)

I **[20]** Memandangkan dalam menjalankan siasatan di bawah s 4(1) Akta 613 tersebut, defendan ketiga telah mengeluarkan lima perintah pembekuan di bawah Akta 613 yang membekukan lapan akaun milik plaintif-plaintif dan juga memandangkan pada 7 Mac 2016, timbalan pendakwa raya telah mengeluarkan perintah sitaan di bawah s 50(1) Akta 613 yang mengarahkan

institusi kewangan yang terlibat supaya tidak melepaskan, berurusan atau melupuskan lapan akaun milik plaintif-plaintif, saya berpandangan mahkamah ini yang merupakan mahkamah sivil tidak mempunyai kuasa untuk membicarakan tindakan plaintif-plaintif yang bersifat jenayah ini. Lebih-lebih lagi pihak timbalan pendakwa raya masih pada peringkat ini belum mendakwa sesiapa berhubung dengan kes bersifat jenayah ini.

[21] Lagi pun tindakan yang dibawa plaintif-plaintif sekarang jika diteruskan dengan perbicaraan penuh akan besar kemungkinan menjejaskan pendakwaan berkaitan kes ini sebagai kes jenayah dan untuk ini amat berkaitan untuk diambil kira kes *Khor Peng Chai & Ors v Bank Negara Malaysia & Anor* [2011] MLJU 1525; [2012] 4 CLJ 987 di mana Yang Arif Mohd Zawawi Salleh H (sekarang HMR) telah memutuskan seperti berikut:

> The purpose of s 44 of AMLA is to assist in investigation where there are reasonable grounds to suspect that an offence under s 4(1) of AMLA has been/is being/is about to be committed. The issuance of the order dated 28 July 2010 by the first respondent is to facilitate investigation and to secure and preserve evidence for the purpose of criminal prosecution under s 4(1) of AMLA by freezing the applicant's accounts. When it is read together with s 50 of AMLA, it also provides avenue for the first respondent, via the public prosecutor, to secure and to preserve the evidence in relation to the commission of such offence, for the purpose of criminal prosecution under s 4(1) of AMLA.
>
> *The court must be very slow to interfere with the enforcement matter of a statutory body* and in so doing, refraining them from carrying out their responsibilities. In the realm of administration of criminal justice in Malaysia, the approach is two pronged, ie investigation of crimes and the prosecution of criminal cases in court. The investigation of crime is the responsibility of the enforcement agency whilst the prosecution is solely in the hands of Attorney-General, who has the power exercisable at his discretion to institute, conduct or discontinue any criminal proceedings (see art 145(3) of the Federal Constitution and s 376 of the Criminal Procedure Code). Nevertheless, the discretion by the Attorney-General can only be exercised based on the outcome of the investigation undertaken by the relevant enforcement agency. Upon receipt of the result of investigation from enforcement agency, the Attorney-General will decide whether to institute prosecution against a perpetrator of crime. If the investigation reveals insufficient evidence to prosecute the suspect, the Attorney-General will choose not to prosecute. The decision to prosecute is solely legal, with public interest as the paramount consideration. *Section 44 of AMLA is clearly part of the investigation of crimes in the administration of criminal justice in Malaysia*.
>
> It would be wrong for the court to step in and *bring to an end the first respondent's power to investigate offences under* s 4(1) of AMLA. If the court is free to interrupt such investigation process, this will encourage tsunami of applications to cut short investigation process. *This will result in all investigation process of the 1st respondent via s 44 of AMLA be open to constant judicial review*.
>
> I foresee much chaos and confusions when the courts are allowed to interrupt and

usurp the functions and jurisdictions of enforcement agency at this early stage of investigation. This is against the public interest. (Penekanan ditambah.)

[22] Begitu juga di dalam kes Mahkamah Agung *Government of Malaysia v Lim Kit Siang* [1988] 2 MLJ 12, Yang Amat Arif Salleh Abas KHN (ketika itu) telah membicangkan kedudukan mahkamah sivil yang tidak boleh mendengar kes bersifat jenayah dan telah memutuskan seperti berikut:

> As stated previously the basis of the respondent's application for declaration is the allegation of corrupt practice by the prime minister and the two ministers. VC George J in the court below admirably dealt with the legal as well as factual aspects of the offence pertaining to the negotiation and formation of this contract and he finally came to the conclusion that there were issues to be tried. But the question is; are these issues, which are in no uncertain term allegedly criminal, to be tried in a civil court by the civil process? *Is the respondent's application not an invitation to the civil court to exercise criminal jurisdiction?*
>
> In *Gouriet*'s case the House of Lords was confronted with similar questions. The House refused to allow the enforcement of criminal law by a civil court. Lord Diplock reminded the House of the importance of keeping a difference 'between private law and public law' meaning in the context of that case, civil law and criminal law. In the words of Lord Diplock 'it is the failure to recognise this distinction that has ... led to some confusion and an unaccustomed degree of rhetoric in this case'. I accept this approach in view of the separation of the system of criminal justice from that of the civil justice system. It is unacceptable that criminal law should be enforced by means of civil proceedings for a declaration when the court's power to grant that remedy is only at the discretion of the court. Jurisdiction of a criminal court is fixed and certain. The standard of proof in a criminal case is different from that required in a civil case and moreover the Attorney-General is the guardian of public interest and as the public prosecutor, he, not the court, is in control of all prosecutions. How can a prosecution of this nature be done behind his back? These are some of the most serious objections to the exercise by a civil court of its discretionary power relating to declaratory and injunctive remedies. Our system requires the public to trust the impartiality and fair-mindedness of the Attorney-General. If he fails in his duty to exhibit this sense of fairness and to protect public interest of which he is the guardian, the matter can be raised in Parliament or elsewhere. (Penekanan ditambah.)

[23] Seterusnya di dalam kes *City Growth Sdn Bhd & Anor v The Government of Malaysia* [2006] 1 MLJ 581; [2005] 7 CLJ 422 Yang Arif Raus Sharif H (sekarang PMR) memutuskan seperti berikut:

> Looking at the order of the deputy public prosecutor as well as the provision of s 50(1) of the AMLA, I am of the view that the order of the deputy public prosecutor is not reviewable under O 53 of the RHC. To me, s 50(1) of the AMLA is part and *parcel of the investigation process into an offence under s 4(1) of the AMLA*. It appears that in order to facilitate the investigation into the offence of money laundering, the law has provided with the public prosecutor the power to assist the investigating officer. Clearly, s 50(1) of the AMLA was enacted to enable the public prosecutor or

his deputy to make an order of seizure of movable properties in the possession of the financial institutions by ordering the financial institutions not to part, deal in, or otherwise dispose of such property or any part of it until the order is revoked or varied. Thus, by issuing the said orders the deputy public prosecutor was merely exercising a function under the AMLA.

... likewise in this case, the order of the deputy public prosecutor under s 50(1) of the AMLA is also not reviewable. *This must be so, otherwise if all decisions and action of public authority of this nature are amendable to court's review, then the government machinery may not be able to function smoothly. The investigation process of all law enforcement agencies will be open to constant judicial review*. To borrow the words of Justice Hardie Boys in R v Sloan 'that cannot have been the intention of Parliament'.

It is submitted by learned counsel for all applicants that the issuing of the s 50(1) order, the deputy public prosecutor has crippled their business and has further failed to appreciate that the said orders would subject them and its directors and officers to liabilities resulting from their inability to utilise its funds. But as stated earlier, *the s 50(1) order is to secure the evidence for the purpose of criminal prosecution under s 4(1) of AMLA*. It is not an administration decision but *a decision in relation to criminal investigation*. (Penekanan ditambah.)

[24] Adalah diperhatikan menurut kes di atas juga apabila ianya melibatkan semakan kehakiman ('judicial review'), ianya masih tidak boleh mempertikaikan siasatan jenayah yang dibuat. Begitu juga seharusnya apabila ada siasatan jenayah maka mahkamah ini sebagai mahkamah sivil tidak boleh membuat apa-apa keputusan atau penghakiman yang memberi kesan dan menyentuh siasatan tersebut.

C. Tindakan plaintif-plaintif telah menjadi akademik

[25] Saya juga mendapati bahawa sebenarnya tindakan plaintif-plaintif yang mencabar perintah pembekuan di bawah Akta 613 yang membekukan lapan akaun milik plaintif-plaintif telah menjadi akademik.

[26] Ini adalah kerana perintah pembekuan tersebut hanya sah untuk tempoh 90 hari sahaja menurut peruntukan s 44(5) Akta 613 dan telah berakhir pada 11 Mac 2016.

[27] Seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ahmad Saidi bin Md Isa v Timbalan Menteri Hal Ehwal & Ors* [2006] 3 MLJ 208:

A court will not act in vain or grant *academic declarations.*

[28] Oleh yang demikian deklarasi yang dipohon plaintif-plaintif bahawa perintah pembekuan ke atas akaun-akaun tersebut adalah salah, mala fide dan tanpa suci hati dan tidak berkuat kuasa, tidak seharusnya dibicarakan lagi kerana ianya telah menjadi remeh dan menyusahkan.

[29] Juga sekiranya tindakan plaintif-plaintif ini dibicarakan, ia tidak akan memberi apa-apa kesan lagi kepada akuan-akaun yang dibekukan sebelum ini. Ini adalah kerana, pada masa ini, akaun-akaun milik plaintif-plaintif tersebut telah disita di bawah perintah s 50(1) Akta 613 yang dikeluarkan oleh timbalan pendakwa raya pada 7 Mac 2016 seperti yang dinyatakan terdahulu.

[30] Berkaitan perkara ini, kes *Ahmad Saidi bin Md Isa* yang dirujuk terdahulu juga menyatakan:

> ... The subject matter of the appeal was the correctness of the restrictive residence order made against the appellant and which he had been subject. *That order having come to an end, there was no longer a valid lis before us for adjudication. Any views we may express about the validity or otherwise of the order would be wholly academic in the circumstances of this case. It will simply have no effect at all. It will mean that we would act in vain. And it is settled law that a court will not act in vain. Equally it is also settled that the court will not grant academic declarations.* See *Re Barnato* [1949] Ch 258. There is therefore no alternative but to dismiss this appeal. (Penekanan ditambah.)

D. Dapatan tentang hujahan plaintif-plaintif

[31] Berkenaan hujahan plaintif-plaintif bahawa defendan-defendan terhalang dari memasukkan permohonan sekarang kerana dihalang dengan perintah mahkamah terdahulu saya berpendapat tidak ada perintah yang terdahulu yang menyatakan defendan-defendan dihalang dari memasukkan permohonan baru untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif. Tiada rekod mahkamah yang menyatakan sedemikian bagi menghalang permohonan defendan-defendan sekarang.

[32] Berkenaan hujahan plaintif-plaintif bahawa permohonan defendan-defendan sekarang adalah tidak teratur saya mendapati bahawa defendan-defendan boleh mengguna mana-mana cabang yang dinyatakan di dalam A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 termasuk cabang (1)(b) dan (d) seperti yang dilakukan defendan-defendan. Mereka tidak tersekat menggunakan satu cabang tertentu sahaja. Untuk ini kes *Balakrishanan Vairavapillai v Pantai Holdings Bhd & Anor* [2005] 5 CLJ 83 adalah berkaitan di mana dinyatakan seperti berikut:

> *It is settled law that limbs (a) to (d) of O 18 r 19 of the RHC are disjunctive and both the respondents may rely on any or all of the limbs (a) to (d) in their O 18 r 19 (1) of the RHC application*. Furthermore, *there is no requirement in law for both the respondent to elect between (a) and limbs (b), (c) and (d) of O 18 r 19 of the RHC.* It is part and parcel of my judgment that an application under limb (a) of O 18 r (1) of the RHC does not preclude an application made under limbs (b), (c) and (d) of O 18 r 19 of the RHC because the court is always able and willing to hear and consider such an application. (Penekanan ditambah.)

[33] Berkenaan hujahan plaintif-plaintif bahawa ini bukanlah kes yang jelas untuk dibatalkan, saya berpendapat sebaliknya kerana perkara-perkara yang telah diperjelaskan berkenaan sifat jenayah kes ini yang sepatutnya tidak dibicarkan di mahkamah sivil ini.

[34] Berkenaan hujahan plaintif-plaintif bahawa kausa tindakan yang dibawanya adalah munasabah dan dengan itu tidak seharusnya dibatalkan begitu sahaja tanpa perbicaraan penuh, saya berpendapat sekiranya ianya dalah munasabah sekalipun, ianya tidak difaikan di mahkamah ini dan di dalam apa sekalipun ianya telah menjadi akademik.

[35] Saya juga tidak bersetuju bahawa undang-undang bertulis yang digunakan defendan-defendan untuk pembekuan akaun-akaun adalah salah kerana seperti yang telah diperjelaskan undang-undang yang digunapakai oleh defendan-defendan memberi kuasa kepada mereka untuk membekukan akaun-akuan tersebut.

E. Undang-undang berkaitan permohonan membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan

[36] Saya juga dalam mempertimbangkan permohonan defendan-defendan sekarang sedar mengenai kes Mahkamah Agung *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36 di mana diputuskan seperti berikut:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of the Rules of the High Court 1980 are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule...and the summary procedure can only be adopted when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' ... The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.

[37] Namun demikian saya berpendapat atas alasan-alasan yang telah diberikan berkenaan peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis dan kes-kes yang berkaitan, sememangnya tindakan plaintif-plaintif adalah satu kes yang nyata dan jelas tidak boleh diteruskan untuk perbicaraan dan sememangnya 'obviously unsustainable'

[38] Seterusnya mahkamah ini mendapati kerana kes plaintif-plaintif adalah sememangnya mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan juga merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah, ianya semestinya dibatalkan seperti yang dinyatakan di dalam kes *Mat Daud Ahmad & Anor v Malaysia British Assurance Sdn Bhd* [1990] 2 CLJ 1002 yang menyatakan seperti berikut:

A The purpose and intention of O 18 r 19, as can be seen, are to empower the court in a summary manner to stay or dismiss an action or enter judgement against the defendant where the pleading discloses no reasonable cause of action or defence or it scandalous, frivolous or vexatious or it is otherwise an abuse of the process of the court ... This is so, for the court feels that a party should be prevented from being harassed and put to expense by frivolous vexatious and hopeless litigation.

B Apart from deriving power from the said order the court has also an inherent and sufficient jurisdiction to deal with any matter that constitutes an abuse of its process or practice by striking out the pleadings ...

C KESIMPULAN

[39] Mengambil kira peruntukan undang-undang yang telah diperjelaskan dan juga kes-kes yang menerangkan kesan peruntukkan-peruntukan ini, saya berpendapat writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif ini adalah
D sememangnya seperti yang dinyatakan kes yang 'obviously unsustainable'. Juga deklarasi-deklarasi yang dipohon plaintif seperti yang diterangkan sudah menjadi akademik.

[40] Atas sebab-sebab yang dinyatakan ini, saya yakin tindakan yang diambil
E plaintif-plaintif sekarang merupakan sesuatu yang mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan juga merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

[41] Oleh yang demikian writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif adalah dibatalkan dengan kos kepada defendan-defendan.

F

Tuntutan plaintif-plaintif dibatalkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

G

H

I